

Pelajar IPT perlu bijak berpolitik - Syed Abas

Um 16/05/2012 30

Oleh SITI NOR AZIZAH TALATA
utusanabah@utusan.com.my

TAWAU 15 Mei - Pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) perlu bijak menggunakan kebebasan yang diberikan dalam berpolitik bagi membantu mencorak persekitaran lebih segar dan mampu menjadi pendorong ke arah transformasi negara.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Balung, Datuk Syed Abas Syed Ali berkata, mahasiswa wajar menggunakan peluang tersebut dan memastikan mereka tidak tergelincir daripada landasan yang sepatutnya.

"Negara memerlukan golongan mahasiswa yang bijak, positif dan proaktif bagi mengangkat martabat umat Islam dan bukan sebagai pentang kepada kerajaan. Sebagai contoh penyertaan dalam perhimpunan haram adalah menyalahi undang-undang," katanya.

Beliau berucap pada majlis penutupan Program Khidmat Komuniti Sabah Di Bawah Bayu di Se-

kolah Kebangsaan Batu 22 di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof. Madya Datuk Dr. Kassim Md. Mansur; Pengerusi Kelab Pembimbing Rakan Siswa UMS, Raziman Mobil dan Penyelaras Pembimbing Siswa UMS, Adznil Abidin.

Turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Batu 22, Sharifah Aloyah Idrus; Pengerusi Masjid Batu 22, Wahab Ali dan para pelajar UMS serta masyarakat setempat.

Menurut Syed Abas, penglibatan warga IPT awam dan swasta seluruh Sabah dalam menjalankan program khidmat komuniti seharusnya dijadikan teladan kepada organisasi dan institusi daripada badan-badan kerajaan dan bukan kerajaan.

Beliau menambah, Program Khidmat Komuniti boleh dijadikan sebagai acara wajib dalam menabur bakti kepada masyarakat, sekali gus dapat menyemai sikap murni dan bekerjasama.



SYED Abas Syed Ali (kanan) berbual dengan seorang peserta Program Khidmat Komuniti Sabah Di Bawah Bayu di Sekolah Kebangsaan Batu 22, Tawau, baru-baru ini.